

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**[PADANG BESAR]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 [RABU]**

**SOALAN**

**DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah kaedah dan mekanisme yang telah dilakukan Kementerian bagi mengawal harga getah yang sangat tidak menentu dan usaha Kementerian bagi membantu penoreh getah dalam menambah pendapatan harian mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum berkaitan isu ketidakstabilan harga pasaran komoditi getah. Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah seperti berikut:

**Langkah jangka masa pendek**

- (a) memberi pulangan harga yang lebih baik (harga di peringkat ladang) kepada pekebun kecil dengan mengurangkan rantaian jualan (peraih) menggunakan kaedah peningkatan penjualan terus kepada koperasi melalui Mekanisma Penetapan Harga Di Ladang. Pihak koperasi boleh

## SOALAN NO : 14

memberi harga yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana pihak koperasi berurusan secara terus dengan kilang pemproses secara pukal. Sehingga kini, sebanyak 19 koperasi terlibat dalam urusan niaga getah dan menawarkan harga pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram *cuplump* lebih tinggi berbanding pembeli getah.

- (b) Kerajaan melalui LGM telah memperkenalkan sistem belian secara atas talian MyROL dan telah digunakan oleh lima pusat pembelian getah secara berkelompok. Harga yang ditawarkan oleh pusat pembelian ini melalui sistem ini adalah lebih kompetitif dan memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana capaian kepada pembeli lebih meluas.
- (c) melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) pada tahun 2015 sebagai satu mekanisma sokongan harga ladang getah dengan tujuan untuk mengurangkan beban ekonomi pekebun kecil getah di samping menggalakkan mereka untuk terus menoreh sewaktu harga rendah di pasaran. Berdasarkan harga getah yang terlalu rendah pada penghujung tahun 2018, Kerajaan telah menambahbaik pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap bermula 1 Januari 2019. Sehingga 31 Ogos 2019, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 185 juta untuk IPG

### **Langkah jangka masa panjang**

- (a) meningkatkan penggunaan getah dalam negara melalui penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *Seismic Bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain.
- (b) memperuntukkan RM100 juta pada tahun ini bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya berasaskan getah daripada *cuplump modified bitumen* (CMB). Projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak JKR dan dipantau oleh pihak LGM. Projek ini dapat meningkatkan

## SOALAN NO : 14

penggunaan getah domestik dan memberi impak kepada harga getah dengan mengurangkan stok antarabangsa dalam jangka masa panjang.

- (c) Selain itu, di peringkat antarabangsa, Malaysia komited dan terus bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* bagi memperkukuhkan harga getah. Di bawah kerjasama ini, syer pengeluaran ketiga-tiga negara ini adalah 67% daripada pengeluaran getah asli dunia pada tahun 2018. Skim Kuota Pengeksportan yang Dipersetujui (*Agreed Export Tonnage Scheme - AETS*) merupakan mekanisme jangka pendek untuk mengurangkan bekalan getah antarabangsa.
- (d) menggalakkan amalan integrasi kepada pekebun kecil untuk mendapatkan pendapatan sampingan. Tanaman getah boleh diintegrasikan dengan pelbagai jenis tanaman sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang. Antara tanaman yang sesuai termasuk pisang, betik, nenas, durian dan buah salak. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan. Pengintegrasian yang sistematik dan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (*Good Agriculture Practices, GAP*) membolehkan pekebun kecil mendapat pendapatan selain daripada tanaman getah sehingga pokok getah mencapai usia 30 tahun.

Sekian, terima kasih.